

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**BST 304/3 - Ekologi dan Pengurusan Hidupan Liar**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Jelaskan tentang tajuk-tajuk berikut dengan memberikan contoh-contoh spesifik dalam penjelasan anda.

(a) Degradasi terhadap ekosistem.

(10 markah)

(b) Kawasan perlindungan.

(5 markah)

(c) Faktor penghad.

(5 markah)

2. Ciri-ciri populasi Hidupan Liar banyak dipengaruhi oleh kehadiran faktor-faktor kebajikan seperti makanan, kawasan perumahan dan kawasan perlindungan serta air. Kelimpahan dan kekurangan faktor-faktor kebajikan ini akan mempengaruhi ciri-ciri populasi. Bincangkan. Berikan contoh-contoh spesifik dalam penjelasan anda.

(20 markah)

3. Hidupan liar mempunyai banyak nilai. Nilai-nilai ini kebanyakannya mempunyai nilai yang positif tetapi ada kalanya nilai-nilai positif ini boleh menjadi negatif. Bincangkan.

(20 markah)

4. Taman Negara merupakan salah satu daripada tempat pemuliharaan insitu di negara ini. Bincangkan tentang pengurusan Taman Negara di Malaysia. Adakah segala pengurusan yang telah dilakukan memadai atau masih ada lagi ruang untuk peningkatan. Berikan pendapat anda.

(20 markah)

[BST 304/3]

5. Bincangkan tentang pengurusan salah **SATU** daripada Hidupan Liar berikut:
- (a) Seladang *Bos gaurus*  
(10 markah)
  - (b) Merpati *Columba livia*  
(10 markah)
6. Bincangkan tentang peranan Jabatan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam pengurusan Hidupan Liar di Malaysia.
- (a) Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).  
(10 markah)
  - (b) Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF).  
(10 markah)